

## PERANAN WANITA DALAM MELESTARIKAN GERAKAN DAKWAH

### WOMEN'S ROLE IN PRESERVING THE DA'WAH MOVEMENT

Nasrudin Hassan,<sup>1</sup>Abdul Hafiz Mat Tuah<sup>2</sup>

#### Abstrak

Penglibatan wanita di medan dakwah hari ini turut menjadi penyumbang utama dalam usaha penyampaian dakwah kepada masyarakat. Kewujudan pendakwah wanita ini justeru membuka persoalan bahawa setiap wanita yang bergerak dalam tugas dakwah perlu tahu peranan mereka menggerakkan usaha dakwah terhadap keluarga dan masyarakat. Wanita berperanan penting menggerakkan dan menyampaikan dakwah yang memberi fokus kepada isu-isu berkaitan wanita dan masyarakat berlandaskan kepada al-Quran sebagai sumber utama, dan al-sunnah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan wanita dalam melestarikan gerakan dakwah kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan melalui pembacaan buku-buku ilmiah, kajian terdahulu serta pandangan tokoh dalam pengajian dakwah.

**Kata Kunci:** *Wanita, melestari dan gerakan dakwah*

#### Abstrack

*Women's involvement in da'wah today, is a major contribution in thr work of delivering da'wah to society. The existence of women preachers, thus settles on the question, that every women who chooses to commit in the field of da'wah,. should know her role while executing da'wah among families and the community. Women play an important role in da'wah, with focus on issues correlate to women and the community as well, with guide by the Quran and al-sunnah. On this subject, the importance of the roles of women in conveying and mobilizing the dakwah movement which focuses on the aspects of women and society which are based on the Quran and as-Sunnah. In that regards, the objective of this research is to study the role of women in preserving the dakwah movement to the diversity of the society in Malaysia. The design of this research is based on the study through the scientific reading material in a previous study, as well as the views of public figures in the field of da'wah.*

**Keywords:** *Women, sustainability of the da'wah movement*

<sup>1</sup>Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

<sup>2</sup>Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

## Pengenalan

Seorang wanita mempunyai kewajiban ke atas dirinya untuk melibatkan diri dalam tugas dakwah iaitu menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dalam tugasnya menyampaikan kebaikan, dia harus bijak dalam mengatur waktu antara urusan rumahtangga dengan kegiatan di luar rumah. Keseimbangan ini perlu kerana jika seseorang wanita berperanan dalam rumahtangga maka dia juga turut berperanan dalam masyarakat (Abdullah: 2008).

Tanggungjawab wanita boleh dibahagikan kepada dua bahagian: pertama, tanggungjawab khusus berkaitan ibadah dan peribadi mereka iaitu mendirikan solat, zakat dan amalan ketaatan kepada Allah SWT. Kedua ialah tanggungjawab umum iaitu melaksanakan dakwah dan melibatkan diri dalam amal kebajikan seperti memberi bimbingan sosial dan mencegah kemungkaran. Kedua-dua tanggungjawab ini diberikan kepada wanita tanpa dibezakan dengan lelaki, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.*

Islam juga telah memerintahkan supaya wanita dimuliakan baik sebagai ibu, isteri ataupun anak perempuan. Secara umumnya wanita memang tidak kelihatan menonjol sebagai pemimpin masyarakat sama ada dalam urusan politik, ekonomi, keagamaan atau lain-lain lagi (Abdul Aziz Ismail, 1995). Selain itu, wanita juga digelar sebagai seorang isteri, ibu ataupun anak perempuan tidak kira mereka bersifat lemah lembut, cantik ataupun tidak. Wanita pada zaman dahulu seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, surah an-Nahl 16: ayat 58-59 yang bermaksud:

*Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati.*

*Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya. (tentang dia beroleh anak perempuan; sambal dia berfikir): Adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah, sungguh jahat apa yang mereka hukuman itu.*

Ayat di atas ini menerangkan tentang wanita sebelum kedatangan Islam dan kedudukan mereka masih belum diterima oleh masyarakat ketika itu (Mustafa Siba'i, 1988).

Sa'adiah Hassan, Endang Erwani Md. Dom (1998) menyatakan bahawa Islam datang membawa cahaya dan kesejahteraan kepada manusia. Manakala Noraziah Ali & Jawiah Dakir (2009) pula menyatakan bahawa seharusnya seorang wanita itu mempunyai ilmu agama serta bagaimana seseorang wanita itu berperanan sebagai seorang pendakwah. Menurut Aishah Yusoffea (2009) bagi wanita yang sudah berkeluarga, perlu mengimbangi antara kerjaya dan keluarga.

### **Metodologi Kajian**

Artikel ini akan menerangkan bagaimana kajian ini dibuat berdasarkan kepada kaedah atau metodologi yang dipilih. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Setiap maklumat yang terdapat di dalam bahan yang berkaitan dengan kajian seperti jurnal, artikel, akhbar, majalah, buku ilmiah, kajian lepas serta semua bahan yang berautoriti untuk dijadikan sebagai bahan rujukan akan dianalisis. Beberapa pandangan tokoh dalam bidang dakwah turut dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini. Segala maklumat yang dikenalpasti bersesuaian akan dijadikan sebagai rujukan.

Kajian kualitatif merupakan kajian yang bermatlamat untuk memahami sesuatu fenomena dengan pengkaji membina ilmu melalui tafsiran secara peribadi berdasarkan kepada pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai yang ada melalui pengalaman dirinya tanpa meninggalkan etika dan garis panduan penyelidikan kualitatif. Antara rekabentuk kualitatif yang sering digunakan dalam penyelidikan sains sosial adalah seperti, etnografi, pensejarahan, kajian kes, fenomenologi, *grounded theory* dan naratif (Kamal Azmi 2015).

Kajian ini akan menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif dan mengamalkan rekabentuk kajian kes dan fenomenologi. Kajian kes merupakan suatu kajian yang akan menjelaskan kes-kes yang berlaku terhadap suatu unit kecil sosial yang memfokuskan kepada aspek peristiwa, individu, program, aktiviti kes atau proses yang unik dan khusus. Kajian fenomenologi pula akan menjelaskan pengalaman individu dalam mengalami sesuatu fenomena yang akan mentafsirkan pengalaman dari kacamata (Othman Talib 2013).

Instrumen penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti instrumen temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan rujukan dokumentasi.

## Wanita Dari Perspektif Islam

Islam memandang wanita sebagai makhluk duniawi dan mempunyai roh yang sama dengan lelaki tetapi berbeza keadaan fizikal daripada lelaki (Fatimah Muhammad Ali, 1966). Kamus Dewan (2010) mendefinisikan wanita sebagai orang perempuan dan lawan lelaki. Manakala Norehan Ahmad Rahim (2008), menyatakan wanita sebagai kaum isteri, ibu atau puteri yang mempunyai sifat lemah lembut dan paras yang cantik. Dalam bahasa Arab, perkataan wanita atau perempuan disebut sebagai *al-'untha*, *al-mar'ah*, *imra'atun* dan *al-nisa'*. Kamus Munjit menyatakan yang perkataan *'untha* adalah kata kerja *'anutha* yang bererti lembut. Menurut Mu'jam al-Wasit (1978) membawa maksud “orang yang mengandung dan melahirkan dinamakan perempuan”.

Hakikat perempuan dalam pandangan Islam dapat dinyatakan berpandukan beberapa ayat al-Quran seperti berikut:

يَأْتِيهَا النَّاسُ أُنثَىٰ رَبِّكُمْ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِن نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۖ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

*Maksudnya: Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.*

Menurut al-Shabuni (1974) menyatakan bahawa Allah SWT menyeru dan mengajak kepada seluruh manusia agar selalu beribadah dan tidak menyekutukan-Nya dan menyampaikan pesanan yang penting tentang hakikat kejadian manusia melalui penciptaan jiwa “orang” yang satu iaitu Adam dan Siti Hawa. Dengan kata lain, manusia berasal dari satu ayah yang sama sehingga harus saling tolong menolong antara lelaki dan perempuan agar tercipta tata kehidupan masyarakat yang harmonis.

Wanita di dalam Islam memiliki kedudukan yang sangat mulia. Dia tidak dimuliakan dengan cara menyamaratakan kedudukan mahupun peranannya dengan lelaki, tetapi dia dimuliakan sesuai dengan fitrah kewanitaannya. Bahkan kemuliaannya dapat melebihi kemuliaan seorang lelaki, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa', ayat 124:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَبِيًّا

Maksudnya: *Dan barangsiapa mengerjakan amal kebajikan, baik laki-laki perempuan sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk ke dalam surga dan mereka tidak dizalimi sedikit pun.*

### **Peranan Wanita Islam Dalam Gerakan Dakwah**

Peranan wanita sebagai pemimpin masyarakat, sama ada dalam urusan politik, ekonomi, keagamaan dan sebagainya, mungkin tidak begitu menonjol (Abdul Aziz Ismail, 1995), namun mereka merupakan tunjang besar dalam gerakan dakwah. Sebahagian besar aktiviti dakwah datangnya daripada wanita, kerana peranan wanita itu sendiri yang bersifat dinamik. Menurut Nik Safiah karim (1990), wanita juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam gerakan dakwah dalam masyarakat Islam. Tanggungjawab ini dipikul oleh semua wanita sama ada yang sudah berkahwin atau belum berkahwin. oleh itu, wanita memikul dua beban kerja, iaitu tanggungjawab kepada keluarga dan juga kepada masyarakat. Musalmee Muda (2011) menyatakan bahawa wanita berpotensi untuk menjadi pendakwah yang Manakala, Siti Hasimah Bakeri (2011) pula menyatakan bahawa seseorang wanita yang berkeluarga dapat mengimbangi antara urusan keluarga dengan bidang dakwah yang diceburinya dengan baik.

Noraziah Ali & Jawiah dakir (2009), mengatakan yang seharusnya seorang wanita itu mempunyai ilmu agama; seorang wanita itu berperanan sebagai seorang pendakwah. Manakala Aishah Yussoffea(2009), mengatakan, wanita yang sudah berkeluarga perlu mengimbangi antara kerjaya dengan keluarga.

Wanita mempunyai hak yang sama seperti lelaki dalam menyampaikan tugas sebagai pendakwah kepada masyarakat. Hal ini kerana wanita berperanan membantu kaum lelaki dalam mencapai dan menjalankan misi dakwah (Nor Hanani, 2010) Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Taubah, ayat 71, yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah SWT dan mereka itu akan diberikan rahmat oleh Allah SWT; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”*

Ayat ini menyatakan bahawa wanita merupakan penolong bagi kaum lelaki dalam melakukan dakwah dengan menyuruh menyampaikan dakwah secara *amar makruf* dan *nahi mungkar*. Wanita dilihat memainkan peranan yang besar dalam mendidik masyarakat kerana wanita merupakan ibu kepada anak bangsa dan bertanggungjawab memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sempurna. Wanita memikul tugas besar menjalankan dakwah dalam

kalangan kaum wanita sendiri bagi memastikan golongan wanita bebas daripada salah faham terhadap Islam sendiri.

Dengan ini, tidak syak lagi bahawa wanita Islam mempunyai peranan istimewa dan penting dalam melaksanakan amal dakwah bagi melengkapkan peranan kaum lelaki. Bahkan dalam sesetengah keadaan peranan mereka lebih penting, malah mengatasi peranan lelaki, terutamanya dalam bidang yang didominasi oleh kaum wanita.

Penglibatan wanita dalam gerakan dakwah dan kerja-kerja kemasyarakatan amat penting kerana mereka merupakan antara sumber kekuatan dalam Islam. kekuatan ini, akan menjadi satu pembaziran ke atas kekuatan yang ada. Perlu diberi perhatian bahawa, musuh-musuh Islam sentiasa mengambil peluang menggunakan wanita dalam usaha mereka untuk menentang Islam. Malah, mereka melihat golongan wanita sebagai pintu masuk paling penting dalam usaha mereka merosakkan agama Islam.

Saadiah Hassan (1997) memberikan contoh yang pratikal mengenai peranan wanita di dalam gerakan dakwah ketika zaman masyarakat Islam terawal. Ummu Atiyyah al-Ansariyyah umpamanya menjadikan rumahnya sebagai tempat kaum lelaki menimba ilmu. Beliau terkenal kerana aktif memberi nasihat dan menyampaikan ajaran Islam kalangan pelbagai kabilah pada zaman Nabi SAW. Beliau juga pernah diseksa dan dipenjarakan oleh kafir Quraisy, namun semangatnya tidak patah.

Menurut Aishah Yusoffea (2009) di dalam buku Zainab al-Ghazali yang berjudul *Ila Ibnati*, keadaan umat Islam kini sangat memerlukan wanita memainkan peranan yang aktif di dalam gerakan dakwah, pihak barat sejak zaman penjajahan lagi, telah mengeksploitasi golongan wanita dengan menabur benih-benih kejahatan dan keruntuhan nilai-nilai akhlak dan kemanusiaan. Wanita Islam yang lemah pegangan agamanya serta cetek ilmunya akan terus menjadi alat propaganda bagi melariskan kemungkaran yang ditaja oleh musuh Islam melalui media massa, sama ada media cetak mahupun media elektronik. oleh hal yang demikian, wanita merupakan golongan yang paling layak diketengahkan untuk menjalankan operasi gerakan dakwah di dalam kalangan wanita juga. Mereka lebih memahami pekerti, watak, emosi dan permasalahan yang dihadapi oleh sesama mereka. Dengan itu, mereka lebih berupaya menembusi hati dan jiwa antara mereka melalui pendekatan yang besesuaian serta lebih serasi dengan fitrah mereka.

Rasulullah SAW meninggalkan suatu *manhaj* yang menjadi asas pembinaan tamadun Islam iaitu suatu *manhaj* yang sifatnya sentiasa menyumbang dan memenuhi keperluan manusia. Dengan kesedaran ini, kaum wanita menjalankan peranan mereka dalam kehidupan masyarakat Islam. Penglibatan kaum wanita dalam gerakan dakwah di tengah-tengah masyarakat

melibatkan pelbagai aspek. Antaranya:

### **1. Melibatkan diri dalam sayap jamaah Islam iaitu melalui gerakan muslimat**

Menubuhkan dan mengaktifkan Institusi Khidmat Masyarakat yang melibatkan wanita. Sebagai contoh Asma bt Yazid beliau pernah menjadi wakil bagi kaum wanita atau dikenali sebagai duta yang pergi menemui Rasulullah SAW untuk menanyakan tentang kewajipan wanita dalam masyarakat dan peranan mereka dalam kerja kebajikan.

Dalam hal ini Falsal Mawlawi (2011) telah menyebut beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada para wanita yang aktif melaksanakan gerakan dakwah secara lapangan. Terdapat beberapa aspek yang harus diambil kira terhadap wanita dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah seperti pandai membahagikan masa antara kerjaya dengan keluarga, berpakaian sopan, menutup aurat dan tidak lebih-lebihan dalam tindakan dan tutur kata.

### **2. Menyampaikan Mesej Dakwah**

Menurut Najwa Huda & Siti Hazwani (2015) peranan wanita sangat mencabar terutama dalam era globalisasi yang sentiasa diasak dengan pelbagai isu seperti, fitnah, jenayah, gejala sosial dan salah faham tentang Islam. Oleh itu, pendakwah wanita perlu memantapkan pengetahuan dan metodologi dakwah supaya mampu menyampaikan dakwah dengan sempurna. Dalam masa yang sama, penyampaian mesej dakwah yang dijalankan perlu dikaitkan dengan akidah, syariat dan akhlak. Penggunaan *uslub dakwah* perlu diselarakan dengan isu semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

### **3. Bertunjangkan Konsep Akidah**

Kesesuaian sesuatu dakwah bergantung kepada mesej dakwah yang disampaikan. Justeru, para pendakwah wanita berperanan menyampaikan mesej dakwah secara umum kepada orang Islam dan bukan Islam. Namun, dapat dibahagikan mesej dakwah ini kepada beberapa elemen antaranya ialah konsep akidah. Akidah merupakan tunjang utama perlu disampaikan kepada masyarakat. Asas akidah ini sesuai digunakan sebagai mesej dakwah tanpa sebarang syak kerana ia berlandaskan kepada dua sumber sahih iaitu al-Quran dan sunnah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 285:

*Rasul (Muhammad) beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semua beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata), "Kami tidak membeda-bedakan seorang pun dari rasul-rasul-Nya." Dan mereka berkata, "Kami dengar dan kami taat. Ampunilah kami Ya Tuhan kami, dan kepada-Mu tempat (kami) kembali."*

Ayat ini menunjukkan bahawa akidah terbahagi kepada enam perkara yang juga dikenali sebagai rukun iman iaitu kepercayaan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada malaikat, kitab, Rasul, Hari Kiamat dan qada dan qadar. Oleh yang demikian, gerakan dakwah wanita perlu bijak mencari ruang untuk menyampaikan ilmu akidah kepada masyarakat terutamanya kepada golongan wanita. Baik akidah seorang wanita itu, maka akan terhasil anak-anak yang berpegang teguh kepada akidah Islam serta terhindar daripada segala kemaksiatan serta perkara mungkar (Nur Raudah, 2013).

#### **4. Berpandukan Konsep Syariah**

Menurut Azrina Sobian (2006) pendakwah wanita perlu mendekati masyarakat dengan memberi penekanan mesej dakwah dalam isu syariah. Isu akidah dan syariah merupakan dua elemen mesej dakwah yang penting kerana konsep akidah dan syariah saling Kepercayaan dan ketaatan kepada Allah SWT dapat mewujudkan masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam. Syariat ini telah diperintahkan oleh Allah SWT dalam surah Al-Hajj ayat 41 yang bermaksud :

*(Iaitu) orang-orang yang jika Kami beri kedudukan di bumi, mereka melaksanakan salat, menunaikan zakat, dan menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.*

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia dijadikan sebagai panduan utama dalam melakukan dakwah. Para pendakwah wanita berperanan menerapkan elemen syariah seperti seminar, kursus, usrah, ceramah, kem penghayatan dan sebagainya (Azyyati, 2015).

#### **5. Didikan Mahmudah**

Mesej dakwah akhlak perlu diberikan perhatian oleh pendakwah wanita sebagai usaha membina masyarakat yang bertamadun dan beretika. Hal ini demikian kerana, pertembungan sistem budaya dan cara hidup sesuatu masyarakat telah mewujudkan pelbagai isu moral dan akhlak. Selain krisis dalam diri manusia yang jauh dari keimanan dan ketakwaan (Zulkiple Abd Ghani, 2010). Justeru, penyampaian dakwah dalam bab akhlak harus menjadi keutamaan para pendakwah wanita dalam mencorak kehidupan masyarakat terutamanya kepada kaum wanita itu sendiri.

Peranan yang perlu dijalankan oleh pendakwah wanita sebelum membentuk akhlak *mahmudah* dalam diri masyarakat ialah dengan menjadi *qudwah hasanah* kepada masyarakat. Pendakwah sendiri perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan akhlak yang *mahmudah*. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:



*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.*

### **Penggunaan Uslub Dakwah Yang Sesuai**

Menurut Fatimah Muhammad Ali (1996) pendakwah wanita perlu mengetahui *uslub* yang sesuai digunakan sepanjang tempoh penyampaian dakwah mereka. Uslub dakwah secara umumnya melibatkan pemilihan mesej dakwah, pemilihan gaya persembahan bersesuaian mengikut konteks sasaran (*mad'u*). Oleh itu, sekiranya pendekatan yang digunakan dalam dakwah itu adalah tidak relevan, maka dakwah yang disampaikan itu tidak memberi kesan kepada audiens, bahkan mengakibatkan kesan negatif. Firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.*

Ayat ini menjelaskan bahawa *uslub dakwah* itu berkaitan dengan cara, kaedah, atau pelaksanaan dalam menyampaikan mesej dakwah. Ketiga-tiga *uslub dakwah* ini iaitu *hikmah*, *al-mau'izah al-Hasanah* dan *al-mujadalah al-Husna* sesuai diaplikasikan pada sepanjang masa dan pelbagai tempat. Sebahagian ulama dakwah menyatakan *uslub* ini dikenali sebagai “Manhaj Rabbaniyyah” iaitu metodologi bersumberkan wahyu Allah SWT. Terdapat beberapa contoh *uslub dakwah* di dalam al-Quran iaitu:

#### **1. Secara Hikmah**

*Kemudian tatkala ia melihat matahari terbit, dia berkata: “Inilah Tuhanku, ini yang lebih besar”. Maka tatkala matahari itu terbenam, dia berkata: “Hai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan. Bagaimanakah petikan ini menjadi uslub hikmah?*

Ali Juraisyah menjelaskan bahawa kata-kata di atas yang tepat dan jelas merupakan dalil yang benar serta menghilangkan kekeliruan masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkataan hikmah itu mengandungi erti keadilan, kelembutan, ilmu dan lain-lain lagi.

#### **2. Al-Mau'izah al-Hasanah**

*“Dan (ingatlah) ketika Lukman berkata kepada anaknya, ketika dia memberi pelajaran kepadanya, Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar.”*

Menurut ibn Kathir memberi nasihat yang baik melalui pernyataan daripada al-Quran dan sunnah serta memberi peringatan terhadap kejadian yang menimpa

manusia dengan mengingatkan orang ramai supaya jangan mempersekutukan Allah SWT.

### 3. Al-Mujadalah al-Husna maksud mujadalah al husna?

Apakah maksud *al-mujadalah al-husna*? *Jadal* (debat) dari sudut bahasa membawa maksud permusuhan yang kuat. Perkataan *al-Jadl* bererti tali yang tersimpul kuat. Manakala *mujadalah al-husna* adalah nama bagi perbuatan *jadal* yang baik dan mudah diterima oleh masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam ilmu perdebatan *jadal* ialah perdebatan bukan dengan tujuan untuk menzahirkan kebenaran bahkan untuk mengalahkan lawan.

Di sini dapat disimpulkan bahawa *uslub dakwah* adalah signifikan bagi memastikan mesej dakwah yang disampaikan lebih berkesan. Elemen penting dalam mengolah mesej dakwah yang bakal disampaikan oleh wanita atau lelaki ialah selari dengan *uslub dakwah* di dalam al-Quran. Ini akan membantu para pendakwah mengatasi tahap kesukaran dalam menyampaikan dakwahnya.

### Mesej Dakwah Selari Perbahasan Isu Semasa

Yusuf al-Qaradawi (2001) menjelaskan bahawa wanita perlu menyesuaikan mesej dakwah selari dengan isu semasa yang berlaku di sekitar mereka. Sikap ambil peduli dalam kalangan pendakwah wanita mendekati kaum wanita akan membuatkan mereka lebih percaya untuk berkongsi segala permasalahan yang mereka hadapi. Oleh yang demikian, dengan adanya penyampaian mesej dakwah yang berkaitan isu semasa ini dapat membantu masyarakat membina kekuatan spiritual, intelektual, material serta mampu berdikari menangani cabaran kehidupan masa kini.

Selain menyebarkan dakwah secara bersemuka kepada sasaran dakwah, media sosial merupakan medium untuk pendakwah wanita melaksanakan gerakan dakwah mereka. Hal ini dapat dilihat melalui rancangan-rancangan ceramah di televisyen. Selain itu, seiring teknologi yang kian maju wasilah dakwah seperti Facebook, Whatsapp, Telegram dan sebagainya perlu diberi perhatian.

Maka, dapat disimpulkan bahawa, wanita tetap boleh memainkan peranan menyumbang kepada masyarakat melalui gerakan dakwah tanpa merosakkan nilai dan etika yang ditetapkan oleh syarak. Gerakan dakwah ini terus dikembangkan melalui pelbagai usaha dalam ruang lingkup yang seimbang dan saling memahami.

### Kesimpulan

Penglibatan wanita dalam gerakan dakwah dan kemasyarakatan diperkasakan, maka kita akan melihat generasi hebat yang memperjuangkan dan memartabatkan Islam. Bagi menjayakan misi ini, kerjasama dari semua pihak,

ahli masyarakat dan juga para suami sangat diperlukan untuk memberi dorongan dan semangat kepada wanita bersedia berkorban demi agama dan berdakwah demi kegemilangan Islam.

Wanita dianugerahkan oleh Allah SWT dengan jiwa yang kuat. Sebab itu Allah SWT menetapkan bahawa hanya wanita yang boleh mengandungkan dan melahirkan zuriat. Bukan mudah membawa kandungan selama sembilan bulan tanpa dengan jiwa yang kuat. Telah terbukti bahawa insan yang mula-mula syahid mempertahankan akidah ialah wanita iaitu Sumayyah. Hajar ditinggalkan seorang diri dengan anak yang kecil di kota Makkah. Ummahatul Mukminin Saidatina Khajidah yang telah menginfakkan hartanya demi Islam dan membantu perjuangan Rasulullah SAW.

Wanita yang sedar akan perkara ini bangkit membela Islam akan wajib melibatkan diri dalam gerakan dakwah. Jangan hanya pentingkan diri dan keluarga sahaja kerana kita tidak dapat melahirkan generasi muda yang hebat untuk Islam (murnikan *uslubayat* ini) tanpa mengubahnya. Justeru, peranan wanita dalam gerakan dakwah sangat penting dantidak seharusnya diketepikan.

## Rujukan

- Al-Quran. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Kuala Lumpur: Pustaka Cahaya.
- Aishah Yusoffea. 2009. *Sukses Dalam Kerier Untuk Muslimat Panduan Harian Wanita Bekerjaya*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd
- Ali Jurisyah. 1994. *Manahij al-Dakwah Wa Asalibuh*. Kaherah. Dar al-Syuruq
- Andek Masnah. 2001. *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Kuala Lumpur: UKM
- Azrina Sobian. 2006. *Wanita Islam dan Bekerjaya Sendiri*. Petaling Jaya, Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd
- Azziyati Mohd Nazim. 2015. *Aktiviti-aktiviti Pendakwah Wanita NGO Islam dan Pengaruhnya Terhadap Dakwah Remaja Berisiko Tinggi*. E-Proseeding. International Conference On Arabic Studies and Islamic Civilation
- Fatimah Muhammad Ali. 2006. *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya
- Ibn Kathir. op cit. *Ibn Jarir al-Tabari*, Beirut Lubnan. Dar al-fikr.
- Kamus Dewan. 2010. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus al-Jadid-Arab Melayu. 1993. Dewan Bahasa dan Pustaka: Penerbitan Seri Kota

- Mukjam al-Wasit. 1978. Kaherah: T.P Appadorai
- Najwa Huda, Siti Hazwani & Siti Kamilah. 2015. *Peranan Wanita Dalam Peperangan Islam*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nik Safiah Karim. 1990. *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: K Publishing & Distribution.
- Noraziah Ali & Juwairiah Dakir. 2008. *Isu-Isu Wanita Di Malaysia*. Batu Caves, Selangor
- Nor Raudah Siren. 2013. *Retorik Penulis Dakwah*. Penerbit Universiti Malaysia: Kuala Lumpur
- Saa'diah Hassan. 1997. *Martabat Wanita dan Tuntutan Abad ke 21*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda
- Yusof al-Qaradawi. 2001. *Fi Fiqh Al-Aqalliyat al-Muslimah Hayat al-Muslimin Wasat al- Mujtama al-Ukhra*. Kaherah: Dar al-Syuruq
- Zulkiple Abd Ghani. 2010. *Dakwah Dalam Era Siber*. Universiti Sains Islam Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia.